

## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

### **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**Isnin, 22 Mei 2023**

DISEDIAKAN OLEH :  
**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,**  
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

## Sebatan ringan ke atas remaja sakiti anjing diketepikan

| MEDIA         | RUANGAN  | MUKA SURAT |
|---------------|----------|------------|
| Berita Harian | Nasional | 16         |

# Sebatan ringan ke atas remaja sakiti anjing diketepikan

**Johor Bahru:** Mahkamah Tinggi, di sini semalam mengetepikan hukuman sebatan ringan tujuh kali terhadap seorang remaja yang didapati bersalah menyebabkan kesakitan secara kejam seekor anjing, Mac lalu.

Hakim Datuk Abu Bakar Katar membuat keputusan itu selepas membuat semakan jenayah ke atas hukuman yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen ke atas Braden Yap Hong Sheng, 19, pada 18 April lalu.

Braden sebelum ini dihukum sebatan ringan tujuh kali serta bon berkelakuan baik selama setahun.

Peguam GK Sritharan yang mewakili remaja itu berkata, Mahkamah Tinggi memanggil pihak pendakwaan dan pembelaan bagi mendengar prosiding semakan jenayah terhadap hukuman itu, semalam.

"Hakim Mahkamah Tinggi membuat semakan jenayah dan mengubah hukuman sebatan tujuh kali itu dan sekarang hukuman yang tinggal hanya bon berkelakuan baik selama 12 bulan.

"Asas diberikan hakim mengikut perintah Seksyen 293 Kanun Prosedur Jenayah yang tidak boleh ada dua hukuman kerana ada perkataan 'atau'.

"Mahkamah Sesyen sebelum ini berikan dua hukuman iaitu satu sebatan dan satu bon, jadi ia tidak boleh," katanya ditemui di luar mahkamah, semalam.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Syafiq Mohd Ghazali.

Mahkamah Sesyen sebelum ini menetapkan tarikh semalam untuk pelaksanaan hukuman sebatan ringan terbabit.

Pada 12 April lalu, Braden mengaku bersalah dengan kejamnya menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya ke atas seekor anjing betina coklat di depan sebuah premis di Jalan Impian Emas 22, Taman Impian Emas, Skudai, di sini jam 1.49 pagi, 27 Mac lalu.

Bagi perbuatan itu, dia diadikwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29(1) akta sama.



GK Sritharan (dua dari kanan) bersama Braden (dua dari kiri) selepas hukuman sebatan ringan diketepikan Mahkamah Tinggi, semalam.  
(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

## Remaja bakar anjing terlepas hukuman sebatan ringan

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-------|---------|------------|
| Kosmo | Negara  | 8          |

### Remaja bakar anjing terlepas hukuman sebatan ringan

**JOHOR BAHRU** – Mahkamah Tinggi Johor Bahru semalam mengetepikan hukuman sebatan ringan sebanyak tujuh kali yang dijatuhkan Mahkamah Sesyen terhadap seorang remaja yang didapati bersalah menyebabkan kesakitan secara kejam terhadap seekor anjing, Mac lalu.

Hakim Datuk Abu Bakar Katar membuat keputusan itu selepas melakukan semakan ke atas hukuman yang dijatuhkan terhadap Braden Yap Hong Sheng, 19, pada 18 April lalu.

Dalam hukuman terdahulu, Braden dijatuhkan hukuman sebatan ringan sebanyak tujuh kali serta bon berkelakuan baik selama setahun oleh Hakim Mahkamah Sesyen, Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim.

Peguam tertuduh, G.K. Sri-tharan memberitahu, Hakim Mahkamah Tinggi (Abu Bakar) telah memanggil pihak pendakwaan dan pembelaan bagi mendengar prosiding semakan jenayah terhadap hukuman itu semalam.

“Mahkamah Tinggi telah membuat semakan jenayah dan mengubah hukuman sebatan tujuh kali itu dan sekarang hukuman yang tinggal

hanya bon berkelakuan baik selama 12 bulan.

“Asas diberikan hakim mengikut perintah Seksyen 293 Kanun Prosedur Jenayah adalah tidak boleh ada dua hukuman kerana perkataan ‘atau’ dalam seksyen tersebut.


“Mahkamah Sesyen sebelum ini memberikan dua hukuman iaitu satu sebatan dan satu bon, jadi ia tidak boleh,” katanya ketika ditemui di pekarangan mahkamah di sini, semalam.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Muhammad Syafiq Mohd. Ghazali.

Mahkamah Sesyen sebelum ini menetapkan tarikh hari ini (semalam) untuk pelaksanaan hukuman sebatan ringan terhadap tertuduh.

Pada 12 April lalu, Braden mengaku bersalah telah menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya ke atas seekor anjing betina berwarna coklat di depan sebuah premis di Jalan Impian Emas 22, Taman Impian Emas, Skudai di sini, pukul 1.49 pagi, pada 27 Mac lalu.

Atas kesalahan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1) akta sama.



SRITHARAN (kanan) berbincang dengan Braden (tengah) di pekarangan Mahkamah Sesyen, Johor Bahru, semalam.

**-Ayam boleh cecah RM26 seekor**  
**- Isu telur omega, Veterinar pantau ladang telur**

| MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------------|--------------|------------|
| Utusan Malaysia | Dalam Negeri | 7          |

Subsidi lewat, mansuh kawalan harga dorong kenaikan 30 peratus

## Ayam boleh cecah RM26 seekor

Oleh FAHMI FAIZ  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Harga ayam dijangka naik 30 peratus atau RM26 seekor pada Julai ini dipengaruhi kelewatan pembayaran subsidi kepada penternak.

Kenaikan juga didakwa bersangkutan keputusan kerajaan untuk mengapungkan harga baham mentah tersebut pada Julai.

Sumber industri yang dihubungi *Utusan Malaysia* berkata, berdasarkan libat urus dengan penternak ayam berspadu, penternak kontrak serta pemborong, masing-masing resah kerana ketidaaan subsidi akan memaksa setiap sub-rangkaian industri ayam untuk menaikkan harga kerana tidak mampu menanggung kos operasi.

Kata sumber, semua penternak sedang 'sakit' kerana kerajaan mengenakan kawalan harga tetapi tiada langkah inter-

vensi bagi membantu industri mendepani cabaran kenaikan harga dedak, anak ayam serta kos operasi termasuk kadar elektrik dan upah buruh yang tinggi.

Justeru katanya, apabila sistem kawalan harga dimansuhkan pada hujung Jun, kenaikan harga ayam akan berlaku secara mendadak sekitar 30 peratus iaitu mencecah RM26 seekor di pasaran.

"Yang saya paling takut, kerajaan umumkan harga ayam akan diapungkan selepas 30 Jun, sudah keluar kenyataan. Itulah keputusan Kabinet, keputusan Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) semua sekali."

"Tapi subsidi tak bagi. Jadi macam mana penternak mauh rancang pengeluaran maksimum. Sekarang ini bekalan masih tak cukup. Jadi apabila harga ayam diapungkan selepas Julai, maka secara automatik harga akan mencanak naik, tengoklah nanti," kata sumber di-

sini, semalam.

Pada 21 Februari lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, harga ayam dan telur dijangka diajukan selepas Jun ini dalam usaha kerajaan memastikan masalah kekurangan bekalan makanan itu dapat diatasi.

Mengulas perkara itu, sumber industri berkata, apabila harga ayam diajukan, pengeluaran yang masih tersekut akibat ketidadaan subsidi akan memaksa pasaran berebut-rebut mendapatkan bekalan ayam.

Sedangkan, katanya pengeluaran semasa sangat terhad apabila kebanyakan integrator serta penternak cuma mampu mengeluarkan 40 peratus ayam masing-masing berbanding pengeluaran yang optimum.

"Kerugian (kepada penternak) disebabkan kawalan harga memang nyata. Saya libat urus

dengan ahli industri, ada yang berkata mereka cuma mampu memasukkan 80,000 ekor anak ayam day old chick (DOC) berbanding sebelumnya ini.

"Sebelum ini, ladang broiler berkapasiti sederhana mampu mengeluarkan 200,000 DOC satu musim pusingan, tapi sekarang susut 60 peratus kepada 80,000 ekor DOC saja. Harga DOC pula masih mahal, sekarang ini seekor di antara RM3.20 sehingga RM3.40," katanya.

Dalam pada itu, sumber mendesak kerajaan berlaku jujur dan menjelaskan kepada pemain industri ayam, apakah sebenarnya masalah dalam penyaluran subsidi.

Kata sumber, pihaknya difahamkan bagi tahun ini kerajaan sebenarnya sudah memperturunkan subsidi berjumlah RM1.2 bilion kepada sektor ayam dan telur, namun belum dinikmati pengusaha ayam.

## Isu telur omega, veterinar pantau ladang telur

**PETALING JAYA:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sentiasa menjalankan pemantauan di ladang-ladang ternakan ayam bagi memastikan pengeluaran telur mengikut piawaian yang telah ditetapkan.

Dalam kenyataan balas kepada *Utusan Malaysia*, DVS merujuk kepada laporan akhbar ini berjudul Telur biasa ditukar label omega bertarikh 15 Mei 2023.

DVS berkata, mana-mana telur yang diragui boleh dianharti ke makmal yang telah mendapat akreditasi ISO/IEC 17025 untuk menguji kandungan omega di dalam telur berkenaan.

"DVS dari semasa ke semasa menjalankan pemantauan di ladang-ladang ternakan ayam bagi memastikan pengeluaran telur adalah mengikut piawaian yang telah ditetapkan agar rakyat mendapat bekalan telur yang berkualiti dan selamat untuk dimakan.

"Selain itu, laporan atau aduan kesangsian tentang ketulenan telur omega yang dibuat hendaklah turut disertakan dengan label telur serta maklumat ladang atau pengeluar telur yang terbabit bagi memudahkan tugas-tugas penyiasatan," kata kenyataan tersebut.

DVS berkata, telur adalah sejenis makanan yang tertak-



**JABATAN Perkhidmatan Veterinar sentiasa memastikan pengeluaran telur ayam Omega mengikut piawaian yang ditetapkan. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON**

luk kepada Akta Makanan 1983 (Akta 281) di bawah kawal selia Kementerian Kesihatan (KKM).

"Walau yang demikian, Jabatan ini akan bekerjasama dengan KKM untuk memastikan pengeluar mematuhi keperluan Akta Makanan yang berkaitan dengan telur omega," kata kenyataan itu.

Sejak 4 Disember tahun lalu, akhbar ini konsisten melaporkan penipuan label telur pre-

mium memburukkan lagi krisis kekurangan bekalan sumber protein itu dalam negara.

Ini selepas sekurang-kurangnya dua sumber dalaman industri yang ditemui akhbar ini mendedahkan, sehingga kini tiada tindakan diambil mana-mana pihak bagi menangani komplot yang menipu pengguna.

Kata sumber, isu pelabelan telur itu sudah berlaku sejak pu-

luhan tahun, apabila ada ladang telur, pemborong dan peruncit yang mendapati tiada pihak memantau label dan penggredian telur, maka mereka mula meletakkan label premium pada telur keluaran masing-masing malah sewenang-wenangnya meletakkan label premium dan kaya omega pada produk turunya, sedangkan tiada langsung mana-mana agensi kerajaan yang mengesahkannya.

## Indonesia diserang demam babi Afrika

| MEDIA           | RUANGAN     | MUKA SURAT |
|-----------------|-------------|------------|
| Utusan Malaysia | Luar Negara | 39         |



SEORANG pekerja memberi makan kepada babi ternakan di sebuah ladang di Denpasar, Bali. - AFP

Cipta serum darah beri imuniti sementara bendung jangkitan pada ternakan

# Indonesia diserang demam babi Afrika

**BATAM:** Indonesia giat membangunkan serum darah yang boleh memberikan imuniti sementara kepada ternakan bagi bagi membendung wabak demam babi Afrika yang kini merebak di ladang babi terbesar di negara itu.

Ketua Pihak Berkuasa Veterinar Kepulauan Riau, Dr Honismandri berkata, pegawaiannya sedang berusaha menghasilkan serum pemulihan tersebut daripada darah babi yang masih hidup.

### BANGUNKAN SERUM PEMULIHAN

"Serum pemulihan adalah serum darah yang mengandungi antibodi yang boleh memberikan imuniti jangka pendek terhadap jangkitan.

"Serum ini sedang dibangunkan di kemudahan kerajaan di Surabaya, bandar kedua terbesar di Indonesia dan ibu kota wilayah Jawa Timur.

"Ini adalah langkah penting untuk mencegah dan membendung penularan demam babi Afrika kerana pada masa ini tiada vaksin," katanya.

Menurut Honismandri, kemudahan yang sama sudah membangunkan serum daripada babi yang dijangkiti di bahagian lain di Indonesia.

Bagaimanapun, jelasnya, virus yang menjangkiti ternakan babi di Pulau Bulan di wilayah Riau kelihatan mempunyai strain genetik tertentu yang tidak ditemui dalam kes jangkitan demam babi Afrika sebelum ini di negara itu.

"Membangunkan serum daripada darah babi yang masih hidup di Pulau Bulan akan memastikan keberkesanan serum terhadap jenis virus demam babi Afrika ini.

"Ia akan mengambil masa dua hingga tiga bulan sehingga produk siap sepenuhnya. Selepas itu kita boleh memulakan proses inokulasi dengan menyuntik serum itu kepada ternakan babi," katanya.

Menurut data Agensi Pertanian Kepulauan Riau, ladang seluas 1,500 hektar yang terletak di Pulau Bulan mampu mengeksport kira-kira 240,000 ekor babi setahun ke Singapura.

Eksport dari pulau itu membentuk kira-kira 15 peratus daripada jumlah bekalan da-

ging babi di Singapura.

### VIRUS MEREBAK CEPAT

Agenzi Makanan Singapura (SFA) berkata, pada 20 April lalu, bangkit babi yang berasal dari Pulau Bulan didapati dijangkiti demam babi Afrika, menyebabkan Singapura menghentikan pengimportan babi hidup dari lokasi berkenaan.

Honismandri yang memantau kesihatan haiwan di wilayah itu mengesahkan berkenaan sudah merebak di kebanyakan ladang namun keadaan kini terkawal.

Demam cepat menular pada ternakan babi dan babi hutan liar dengan kadar kematian yang tinggi, menyebabkan penduduk sekitar Pulau Bulan semakin bimbang.

Kajian menunjukkan virus itu boleh bertahan dalam daging babi untuk tempoh yang lama selepas babi disembelih namun dilaporkan tidak mengjangkiti manusia atau haiwan lain.

Lebih 35,000 babi di Pulau Bulan dilaporkan mati akibat penyakit itu dan pekerja terpaksa memusnahkan 119,000 ekor lagi yang berkongsi tempat tinggal sama dengan babi bergejala.

"Kami juga sedang meneroka potensi vaksin. Sesetengah negara sedang membangunkan vaksin berpotensi untuk demam babi Afrika. Jika ia terbukti berkesan, kami akan berusaha mendapatkannya untuk digunakan di Pulau Bulan," jelas Honismandri.

## Konsep unik, potong dahulu sebelum timbang ayam Negeri

| MEDIA        | RUANGAN                  | MUKA SURAT |
|--------------|--------------------------|------------|
| Sinar Harian | Negeri<br>Kelantan/Kedah | 25         |

Bahagian kepala, kaki, hati dan pedal tidak akan ditimbang demi kepuasan hati pelanggan

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI  
KUBANG PASU

**S**eorang peniaga ayam segar di Ladang Rakyat, Bukit Kayu Hitam di sini menggunakan konsep potong dahulu sebelum timbang untuk kepuasan hati pelanggannya.

Yusof Ibrahim, 71, yang menjalankan perniagaan menjual ayam selama 33 tahun berjaya, bahagian kepala, kaki, hati dan pedal tidak akan ditimbang kecuali diminta oleh pelanggan.

Katanya, ia bukan satu kerugian kepadanya kerana yang paling penting adalah keberkatan dalam perniagaan.

"Bila kita amalkan bermula macam ini, pelanggan tak rasa

ditipu, sebab bahagian yang dia tak mau kita tak timbang sekali.

"Jadi pelanggan gembira, kita pun senang hati, nikmatnya cukup besar bila kita rasa lapang dada dalam berniaga ini," katanya ketika ditemui di gerai-nya di Ladang Rakyat di sini pada Ahad.

Menurutnya, bahagian kaki, hati dan pedal yang tidak ditimbang akan dijual secara bersingan dengan harga RM3 sekilogram.

"Jadi nak kata rugi sangat tak, untung sangat pun tak, bahagian yang kita tak ambil itu kalau dikira cuma dalam 30 sen saja, apa lah sangat dengan nilai tu," katanya.

Yusof berkata, ayam yang hendak dijual akan disembelih

setiap pagi selepas Subuh sebelum dibawa ke gerai jualan.

"Semua ayam akan disembelih dan diproses di rumah saya di Felda Bukit Tangga, kemudian pada jam 9 pagi baru saya mai ke gerai.

"Sehari saya jual 100 ekor ayam dengan harga RM10 bagi setiap sekilogram.

"Alhamdulillah kebanyakannya pelanggan saya, penduduk kawasan sekitar sini saja," katanya.

Pelanggan, Mohd' Soilihin Shabar, 42, berkata, dia gemar membeli ayam di gerai Yusof sejak menetap di Bukit Kayu Hitam 12 tahun lalu.

"Orangnya ramah dan jujur, lagipun pelanggan cuma bayar bahagian yang dimakan sahaja," katanya.



Yusof sedang menyusun ayam jualannya di gerainya di Ladang Rakyat, Bukit Kayu Hitam, Kedah pada Ahad.

## Kes lembu dicuri semakin berleluasa Negeri

| MEDIA        | RUANGAN                 | MUKA SURAT |
|--------------|-------------------------|------------|
| Sinar Harian | Negeri Perak / Selangor | 27         |

# Kes lembu dicuri semakin berleluasa

Penternak hilang sabar, terpaksa tanggung kerugian ratusan ribu ringgit sejak tiga tahun lalu

Oleh NORMAWATI ADNAN  
BATU GAJAH

**S**ekumpulan penternak di sini dihantui kebimbangan dengan kegiatan sindiket mencuri lembu dan kerbau yang dikatakan semakin menjadi-jadi.

Kegiatan berlarutan sejak tiga tahun lalu itu mengakibatkan penternak kerugian ratusan ribu ringgit.

R Kaviyarasan, 38, yang menjalankan ternakan sejak 20 tahun lalu di Tanjung Tuafang berkata, jumlah kerugian yang dialami mencecah RM400,000 apabila lebih 100 ekor lembu dan



KAVIYARASAN GUNASAGARAN NAZRI

kerbau belaannya hilang akibat dicuri.

Menurutnya, kes kecurian kebanyakannya disedari berlaku ketika ternakan dilepas secara bebas untuk makan.

"Boleh dikatakan setiap hari ada sahaja ternakan yang hilang, bila dicari-carai tak jumpa, hilang begitu sahaja, tentulah dicuri."

"Macam mana mereka curi pun saya tidak tahu, tetapi saya syak ini dilakukan sindiket besar kerana kegiatan mereka sukar dikesan," katanya ketika sidang

akbar di Dewan Tun Sambanthan Kinta Valley, di sini pada Ahad.

R Gunasagaran, 54, pula kecewa apabila semua 23 ekor lembu miliknya yang berada dalam kandang lesap dalam kejadian pada Januari lepas.

Katanya, kesemua lembu berkenaan dibeli pada setahun lalu dengan modal RM150,000 termasuk penyediaan kandang untuk tujuan perniagaan, namun hilang dipercayai dicuri sindiket.

"Saya syak mereka dah lama sasar nak curi lembu-lembu saya ini kerana cukup saja satu tahun



Sekumpulan penternak dibantui kebimbangan dengan kegiatan sindiket mencuri lembu dan kerbau yang dikatakan tiada kesudahan.

apabila lembu ini dah besar, mereka sapu bersih semua sekali," katanya.

Seorang lagi penternak, Nazri Zakaria, 38, berkata, ada kalangan pencuri lembu itu menggunakan tembakau ubat pelali dan mengikat ternakan di pokok sebelum dibawa menggunakan lori.

Menurutnya, beberapa tangkapan telah dilakukan pihak berkuasa sebelum ini, tetapi kebanyakannya terlibat dikenakan tindakan sewajarnya," katanya.

kurang bukti.

Sementara itu, Ketua Pusat Khidmat dan Aduan Barisan Nasional (BN) Perak, Mohd Rawi Abdullah berkata, aduan berkaitan kehilangan haiwan ternakan terutama lembu dan kerbau di-terima hampir setiap hari.

"Dalam masa sama, kita juga berharap pihak berkuasa jalan-jalan siasatan terhadap laporan-laporan yang dibuat supaya mereka yang terlibat dikenakan tindakan sewajarnya," katanya.

**-Dog abuser spared canning**  
**-Keep your pets well hydrated to prevent heatstroke**

| MEDIA    | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------|------------|
| The Star | Nation  | 7          |

# Dog abuser spared caning

High Court amends sentence for teen who set dog on fire

**JOHOR BARU:** The teenager who pleaded guilty to setting a dog on fire has been spared caning after the High Court dismissed the sentence.

Justice Abu Bakar Katar made the decision yesterday after reviewing the sentence meted on Braden Yap Hong Sheng, 18, by the Sessions Court on April 19.

Under the lower court's ruling by judge Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim last month, Yap was supposed to have been caned lightly seven times in open court yesterday and be placed on a good behaviour bond for one year at RM10,000 in one surety.

Lawyer GK Sirtharan, who represented Yap, said Justice Abu Bakar called the prosecution and defence counsel yesterday to hear the change in sentence.

"The High Court judge has revoked the light caning sentence, so Yap will only now need to undergo the 12-month good



**Caning revoked:** Sirtharan (right) escorting Yap (centre) outside the courtroom in Johor Baru.

behaviour bond.

"The decision was made based on provisions under Section 293 of the Criminal Procedure Code

(CPC), where two sentences cannot be imposed on an accused.

"The Sessions Court has given Yap a light caning and a good

behaviour bond, which could not be done," he said when met by reporters outside the court here.

Section 293(1)(c) of the CPC allows the court to order the offender, if male, to be whipped not more than seven strokes with a light cane within the court premises and in the presence of a parent or guardian.

The case was prosecuted by deputy public prosecutor Muhammad Syafiq Mohd Ghazali.

On April 12, Yap pleaded guilty to causing excruciating pain to a brown female dog by beating it and setting it on fire.

The act occurred in Jalan Impian Emas 22, Taman Impian Emas here, at 1.49am on March 27.

**WATCH THE VIDEO**   
[TheStarTV.com](http://TheStarTV.com)

## Keep your pets well hydrated to prevent heatstroke

PETALING JAYA: Prepare a larger drinking bowl to keep your pets well hydrated in the current heatwave, says an animal group.

Companion Animal Rescue Effort Society founder Joseph Chia said it is very important to make sure pets are well taken care of, especially at this time.

"Get a bigger drinking bowl for your dogs and cats. It is even better to get a bowl made of clay as dogs in particular have a tendency to tip bowls over," he said.

Chia, who runs animal shelters in Lima Kedai and Stulang in Johor, said he had been making sure that the dogs and cats under his care had enough water.

"The weather has been really hot and it can take a toll on cats. If your pets are not drinking enough water, it can lead to serious health issues such as kidney problems," he said.

Chia said dogs usually need to drink every seven hours but with the current weather, it is better for owners to make sure their pets drink every four hours.

"I understand that pet owners may have to go to work and only come back late evening or night, so get a bigger drinking bowl to ensure your pets have more water when they get thirsty," he added.

Veterinarian Dr K. Manikam confirmed that cats and dogs are susceptible to kidney disease if they are not properly hydrated.

"The internal organs, especially kidneys, will suffer damage if animals do not get sufficient water," he cautioned.

He said cats especially will develop kidney stones if they do not have enough water to drink.

"So it is important that they have enough water to flush out the stones that may be forming," he pointed out.

According to Dr Manikam, in India, big earthen pots filled with fresh water are placed throughout the streets in urban areas for street animals during the hot spell.

Malaysian Association of Veterinary Nurses and Assistants president Chong Su Via concurred and said hydration is especially crucial for dogs during hot weather as panting can lead to excessive fluid loss.

"A panting dog not only loses body fluid quickly, the agitation of the increasing body temperature leads to a higher respiration rate, causing even more fluid loss. A distressed, panting dog can become hot very, very quickly," said Chong.

When this happens, dogs can suffer from heatstroke.

Chong said she had come across many cases of dogs suffering from heatstroke even when they were kept in the shade.

A dog can suffer from heatstroke at any time of the day if it is dehydrated.

"Circulating air is also very important for animals in this weather as still air can lead to heatstroke," she added.

## Kinta Valley cattle breeders hit by rampant theft, loss of RM1.3mil

| MEDIA    | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|---------|------------|
| The Star | Nation  | 8          |

## Kinta Valley cattle breeders hit by rampant theft, loss of RM1.3mil

**BATU GAJAH:** About 30 cattle breeders in the Kinta Valley claimed to have suffered losses of about RM1.3mil from more than 260 livestock stolen over the last three years.

K. Kaviyarasan, 38, said that he alone lost 120 cows and 80 buffaloes worth RM1mil in that time.

"My family alone had lodged almost 10 reports at the Batu Gajah and Kampar police stations. We cannot fence the area because it will make it easier for thieves to steal the animals if they are all in one place."

"I am worried that if this problem is not addressed immediately,

my other 1,000 cows and 500 buffaloes will suffer the same fate, because the vast grazing area stretches across Kampar, Malim Nawar and Batu Gajah," he told Bernama at a press conference here yesterday.

Another breeder, Pang Kee Kheong, 70, claimed the thieves

use three methods – namely using ropes to catch tame cattle, using tranquillisers as well as shooting wild cattle.

He said more than 50 of his cows had been stolen.

Pang said breeders would usually sell the animals at a low price to middlemen before being sold

to consumers.

Meanwhile, Perak Barisan Nasional Service and Complaints Centre secretariat head Mohd Rawi Abdullah said his party had received many such complaints regarding cattle theft and would be sending a letter to Bukit Aman for further action.